

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 4/10/2019  
M/SURAT : 1



# MyCC cadang denda Grab RM86.77 juta



Oleh SHAHIZAM TAZALI  
 ekono@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 OKT.

**S**URUHANJAYA Persaingan Malaysia (MyCC) mencadangkan denda sebanyak RM86.77 juta terhadap syarikat e-hailing, Grab Holdings Inc. (Grab) kerana menyalahguna kedudukan dominan dengan mengenakan klausa larangan terhadap pemandu berkaitan pasaran pengiklanan media transit.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail berkata, keputusan itu turut melibatkan penalti harian sebanyak RM15,000 bermula hari ini.

Menurut beliau, Grab didakwa mengenakan klausa yang menghalang para pemandunya daripada menggunakan kenderaan mereka untuk mempromosikan dan mengiklankan platform e-hailing lain.

"Para pemandu bukan pekerja mereka dan menggunakan aplikasi Grab untuk mencari pelanggan. Pemandu adalah pemilik sebenar kereta, maka

## Grab bakal serah representasi secara bertulis

**KUALA LUMPUR 3 OKT.** -Syarikat perkhidmatan e-hailing, Grab terkejut dengan cadangan denda Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebanyak RM86.77 juta.

Juruucapak Grab berkata, syarikat mengekalkan kedudukan bahawa pihaknya telah mematuhi Akta Persaingan 2010 sepenuhnya.

Katanya, syarikat terkejut dengan keputusan cadangan yang diterima pagi ini.

"Kami percaya bahawa

amalan umum bagi perniagaan untuk menentukan ketersediaan dan jenis iklan pihak ketiga di platform masing-masing disesuaikan mengikut keperluan dan maklum balas pengguna.

"Dalam pada itu, peguam undang-undang kami sedang mengkaji keputusan yang dicadangkan," katanya di sini.

Grab akan menyerahkan representasi secara bertulis kepada MyCC menjelang 27 November ini.

Pada Mac 2018, Uber Technologies Inc. bersetuju menjual operasi Asia Tenggara kepada pesaingnya, Grab dalam masa sama menarik diri daripada persaingan serigit di rantau yang berkembang pesat.

Grab bermula sebagai aplikasi menempah teksi di Kuala Lumpur pada 2012, kini menjadi antara penyedia perkhidmatan perkongsian kenderaan dominan di rantau ini.

Keputusan MyCC itu hanya cadangan dan Grab diberi tempoh 30 hari bekerja untuk mengemukakan hujah balas terhadap dakwaan ke atasnya.

Tambah Iskandar, klausa Grab tersebut menjadi isu selepas penggabungan antara Grab dan Uber Technologies Inc. pada Mac 2018 untuk operasi di Asia Tenggara.

Grab didakwa mengenakan klausa yang menghalang para pemandunya daripada menggunakan kenderaan mereka untuk mempromosikan dan mengiklankan platform e-hailing lain.

**ISKANDAR ISMAIL**

persaingan kepada pemain sedia ada. Ia akan menjadikan persaingan pasaran e-hailing kekal sihat.

"Pada pandangan MyCC, tatacara Grab bukan sahaja menjaskan pemandu e-hailing dan pesaing, tetapi turut memberi kesan kepada pengguna dalam jangka masa panjang," katanya.

Jelasnya, penggabungan itu secara tidak langsung menjadikan Grab sebagai pemain dominan dalam pasaran e-hailing Malaysia dan sejak itu MyCC telah menerima banyak aduan.

"Adalah penting untuk memastikan halangan kemasukan pemain-pemain baharu dalam pasaran kekal rendah dan memberi ruang pertumbuhan serta